

Newspaper	Sinar Harian
Date	31 August 2015

## Tidak wajar sertai Bersih 4.0

Sinar Harian - 31/8/2015

KOTA BHARU - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang turut serta pada himpunan Bersih 4.0 dianggap sebagai tidak wajar.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, perbuatan tersebut dianggap bertentangan dengan idealis Dr Mahathir yang selama ini dilihat amat kuat menentang demonstrasi jalanan

"Itu tidak wajar kerana Tun orang keras menentang demonstrasi jalanan. Tindakan Tun sudah pasti akan memberi kesan kepada anak muda, tauladan kurang baik kepada media, semalam.

Terdahulu beliau menghadiri Minggu Mesra Mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan di Pengkalan Chepa yang turut dihadiri Naib Canselornya, Datuk Dr Mortaza Mohamad.

Semalam dan kelmarin, Dr Mahathir hadir ke perhimpunan Bersih 4.0 di Dataran Merdeka dan Pasar Seni.

Mengulas lanjut mengenai Bersih 4.0, Mustapa mengharapkan rakyat Malaysia mencari kaedah lain untuk menyelesaikan masalah dengan mengadakan perbincangan dalam suasana yang aman

Konsisten dengan pendapatnya sebelum ini, Mustapa menyeru rakyat su-



Mustapa senpat beramah mesra bersama ibu bapa dan penuntut, semalam.

paya menyelesaikan permasalahan dengan bermusyawarah mahupun bersemuka dan bukannya memilih cara tidak sihat menerusi demonstrasi jalanan.

Dalam pada itu, mengulas mengenai natijah perhimpunan haram tersebut kepada negara, Mustapa berkata, sekiranya tiada kekecohan ia mungkin tidak mendatangkan kesan kepada pelabur.

Namun, katanya, sebagai negarayang

dicontohi oleh dunia luar, Malaysia sepatutnya tidak menjadikan demonstrasi sebagai medan bersuara dan sewajarnya mempertahankan kestabilan politik serta keamanan negara.

Beliau juga menyarankan supaya rakyat mengetepikan perselisihan faham dan tidak mewujudkan huru-hara kerana sehingga ldn imej Malaysia di mata dunia amat baik.